

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	..	UTUSAN MALAYSIA	
TARIKH	..	6/2/2017	MUKA SURAT : 9
JABATAN	..	UMUM	
KLASIFIKASI	..	MAKLUMAN	



TUTUP KEAGALAN URUS ALAM SEKITAR



BUDIMAN
MOHD. ZOHDHI

BERMULA 1 Januari lalu, kerajaan Selangor yang diketuai Parti Keadilanselamatan Rakyat (PKR) mengumumkan Kempen Bebas Plastik. Pelaksanaannya mewajibkan semua rakyat negeri ini membayar caj sebanyak 20 sen kepada peniaga sekiranya mereka mahu menggunakan beg plastik apabila membuat pembelian.

Pelaksanaan kempen yang diumumkan oleh Pengerusi Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Elizabeth Wong pada 21 Disember lalu itu telah mengundang kritikan serta kecaman pelbagai pihak khususnya rakyat Selangor yang mahu caj tersebut dimansuhkan dan digantikan alternatif lain seperti penggunaan beg kertas dan beg plastik mesra alam sebagaimana dilaksanakan di barat ketika ini.

Cadangan itu ditolak sama sekali oleh Elizabeth pada 24 Januari lalu selain menyatakan alternatif beg kertas itu bukan satu pilihan yang perlu diikuti kerajaan negeri dalam memastikan mata-mat pemuliharaan alam sekitar.

Penolakan mentah-mentah cadangan alternatif menunjukkan sikap sebenar kerajaan negeri yang jelas tidak mepedulikan barisan serta rungutan rakyat yang merasa terbeban akibat pelaksanaan caj itu. Pendirian kerajaan negeri itu tidak mencerminkan slogan 'Negeri Berkeadilan' yang dilautung-laungkan selama ini.

Sikap kerajaan negeri itu antara bukti pentadbiran pembangkang yang tidak mempunyai perancangan rapi dalam membuat keputusan memabihkan rakyat memandangkan penguasaan caj itu hanya menguntungkan peniaga.

Peniaga yang membuat penjualan beg plastik kepada para



SAMA ada dibeli atau bawa sendiri, orang ramai masih menggunakan beg plastik khususnya ketika membeli barang-basah kerana tidak ditawarkan alternatif lain. - GAMBAR HIASAN

pengguna. Jika dahulu plastik diperibercuma, kini hasil pelaksanaan dasar baharu kerajaan negeri, peniaga boleh menjual plastik pula.

Pelaksanaan caj berkenaan turut menunjukkan sikap kerajaan negeri yang 'cakap tak serupa biki'. Pihak pembangkang pandai mengkritik Kerajaan Pusat bertubung kenakan kos sara hidup walhal mereka sendiri menyumbang kepada pertambahan beban kewangan rakyat.

Yang lucunya, penguasaan caj itu di bawah inisiatif Kempen Bebas Plastik. Apa maknanya bebas plastik, kalau plastik terus dijual? Hakikatnya, pelaksanaan kuitipan caj 20 sen bagi penggunaan beg plastik yang bermula sejak 1 Januari lalu itu berkemungkinan satu cubaan kerajaan pakatan pembangkang di negeri ini untuk mengalih perhatian rakyat terhadap kegagalan mereka menyelesaikan isu alam sekitar di negeri ini.

Sampai hari ini kerajaan negeri masih terpalit dengan isu alam sekitar yang menyulitkan kehidupan rakyat Selangor antaranya gagal menyelesaikan

sepenuhnya operasinya kilang haram, pencemaran air, masalah pengu-rusan sampah dan sebagainya.

Isu-isu tersebut biarpun semakin membengkak kehidupan seharian rakyat di Selangor, tetapi hanya dipandang sepi oleh kerajaan negeri tanpa sebarang tindakan khusus yang serius diambil termasuklah oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Azmin Ali.

Rakyat Selangor boleh menilai sendiri dalam isu pencemaran air yang menyebabkan gangguan bekalan akibat penutupan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih pada Oktober 2016.

Kejadian itu disahkan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) pada 4 Oktober lalu sebagai berpunca daripada operasi kilang haram yang terletak di Lot 1571 Batu 22 1/4, Kampung Jalan Sungai Lalang, Semenyih.

Sepatuinya masalah tersebut tidak berlaku sekiranya kerajaan negeri benar-benar menjalankan tanggungjawab memantau dan menangani lebih awal masalah kewujudan kilang haram di Selangor.

Insiden yang berlaku salah satu contoh kecaian kerajaan negeri dalam menjalankan tanggungjawab mereka menguruskan alam sekitar di Selangor untuk generasi masa ini dan masa depan.

Begitu juga dalam insiden pencemaran di Sungai Semenyih dan Sungai Langat pada September lalu yang turut menyebabkan bekalan air rakyat khususnya di kawasan Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang dan Petaling terputus dek penutupan operasi LRA Sungai Semenyih.

Difahamkan kejadian seumpama itu bukan baharu kerana masalah sama turut berlaku pada 2006, 2009, 2010, 2012, 2013 dan 2015. Namun Mohamed Azmin dilihat mengambil jalan mudah dengan menafikan punca insiden ekoran kewujudan kilang haram sebaliknya mendakwa ia tindakan sabotaj sebagaimana dilaporkan media pada 27 September 2016. Alangkah mudahnya tugas seorang Menteri Besar di Selangor, tidak perlu buat apa-apa, naf dan terus nafikan sahaja tanpa tindakan konkrit bagi mengelakkan insiden sama berulang.

Begitu juga dalam isu pengurusan sampah, kerajaan negeri tidak serius menyelesaikan rungutan rakyat yang saban kali mengadu bau busuk ekoran kutipan sampah tidak mengikut jadual dan sebagainya.

Di sebalik segala permasalahan itu, kerajaan negeri terus bermain politik apabila enggan menandatangani Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) sehingga menyuarakan Kerajaan hingga menyuarakan Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melaksanakan pengurusan sampah serta sisa pepejal secara lebih teratur di negeri ini.

Justeru, berbalik kepada isu caj 20 sen bagi sehelai beg plastik di Selangor, apakah langkah itu bukti komitmen kerajaan negeri memulihara alam sekitar? Apakah dengan caj 20 sen itu maka alam sekitar di Selangor akan terpuh-hara dan sumber air di negeri ini akan bebas daripada pencemaran? Mungkin tidak sama sekali.

PENULIS ialah Ahli Parlimen Sungai Besar.